**VOICE OF AUDIENCE ARCHIVES**

List of suggestions below are from public who have submitted through the Feedback Form in The Official Website of Perak Mufti Department. Each suggestion that has been taken will be display in this column. Thank you for your support.

| Feedback As At February 2017 | | | |
|---|---|---|---|
| **No.** | **Sender** | **Feedback** | **Answer** |
| 1. | Shukri Mohamad<br><br>10/2/2017 | Assalamu'alaikum<br>Jazakallah di atas jawapan yang telah diberikan.<br><br>Lanjutan dari jawapan yang diberikan, saya ingin bertanya dengan lebih lanjut. Selepas daripada kejadian nyanyian itu saya telah bersama dengan isteri tanpa menyedari bahawa telah jatuh talak. Adakah itu boleh dikira sebagai rujuk?<br><br>Sekiranya tidak sah sebagai rujuk, bagaimanakah status dan jalan penyelesaiannya ke atas perkahwinan kami. Kami telah mempunyai 4 org anak.<br><br>Mohon pencerahan, InsyaAllah. | Wa'alaikumussalam w.b.t..<br><br>Tuan tidak mengetahui dan tidak menyedari bahawa perbuatan tersebut telah menyebabkan jatuh talak. Perbuatan bersama dengan isteri tuan bolehlah dianggap sebagai rujuk memandangkan kejahilan tuan tentang jatuhnya talak sebelum itu. Banyakkan berdoa semoga Allah mengampunkan dosa dan kesilapan tuan itu.<br><br>Wallahu a'lam. |
| 2. | Mohd Azrulniza<br><br>12/2/2016 | Saya Mohd Azrulniza B.Abdul Rahman berhasrat ingin menyumbangkan artikel yg ditulis oleh saya kpd jabatan agama islam negeri perak.<br><br>Jika terdapat sebarang kesalahan dlm penulisan artikel saya berkenaan sifat 20 saya mohon pembetulan dari pihak tuan.Tujuan saya ingin menyumbangkan sedikit artikel tentang sifat 20 dan tidak lebih dari itu.<br><br>Saya menulis surat untuk maklumkan pada pihak tuan dan disini saya sertakan artikel saya. | Assalamu'alaikum w.b.t..<br><br>Sekiranya ingin disemak artikel tuan, mohon hubungi jabatan kami di talian 05-2545332 dan buat pertemuan dengan pegawai Buhuth, atau datang ke pejabat dengan membawa salinan artikel tersebut.<br><br>Sekian, terima kasih. |

| | | | |
|---|---|---|---|
| 3. | Mohd Azrulniza<br><br>14/2/2016 | Tuan Mufti Negeri Perak<br><br>Saya Mohd Azrulniza bin Abdul Rahman berhasrat untuk mendirikan pondok kecil dikampung saya dan tujuan saya menulis surat ini memohon jasa baik pihak Tuan untuk memberi kebenaran dan keizinan kepada saya dan disini saya sertakan sijil-sijil yg ada serta saya lampirkan modul pembelajaran yg akan dibuat. | Assalamu'alaikum w.b.t..<br><br>Maaf tuan, permohonan tuan untuk mendirikan pondok kecil adalah di luar bidangkuasa jabatan kami. Sila rujuk Jabatan Agama Islam Perak (JAIPk), Bahagian Pendidikan.<br><br>Sekian, sebarang kesulitan amatlah dikesali.<br><br>Terima kasih. |